

MANUSKRIP MELAYU ABAD KE-19M DALAM BIDANG HADITH: SATU KAJIAN TERHADAP KITAB *RAWḌAH AL- ‘ULAMĀ’*

A MALAY MANUSCRIPT OF THE 19TH CENTURY ON HADITH STUDIES: AN EXAMINATION OF RAWḌAH AL-‘ULAMĀ’

Mohd Anuar Mamat^{1*}

Helimy Aris²

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM. Merupakan ahli Kumpulan Penyelidikan Manuskrip dan Historiografi (MAHIR), USIM (Emel: anuarmamat@usim.edu.my)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM (Emel: helimy@usim.edu.my)

*Corresponding author: anuarmamat@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025

Revised date : 8-10-2025

Accepted date : 24-11-2025

Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Mamat, M. A., & Aris, H. (2025). Manuskrip Melayu abad ke-19M dalam bidang hadith: Satu kajian terhadap kitab Rawḍah al-‘Ulamā’. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 648 – 657.

Abstrak: Terdapat pelbagai karya telah dihasilkan oleh para sarjana Alam Melayu dan sehingga sekarang ia masih berbentuk tulisan tangan dan manuskrip. Karya-karya tersebut menampilkan pelbagai keunikan dan keistimewaan tersendiri. Antaranya ialah kepelbagaian penulisan karya Alam Melayu dan kandungannya yang komprehensif merangkumi kepelbagaian bidang keilmuan. Penulisannya juga adalah berteraskan adab dan keilmuan yang tinggi dalam kepengarangannya. Karya yang dihasilkan juga bukan sahaja terhad kepada berbentuk prosa, malah ada juga ditulis dalam bentuk lain seperti syair, puisi dan nazam. Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan salah satu manuskrip Melayu abad ke-19M dalam bidang hadith. Tumpuan khusus kajian ini adalah terhadap kitab bertajuk Rawḍah al-‘Ulamā’. Manuskrip ini ditulis menggunakan bahasa Jawi dan kandungannya memuatkan pelbagai jenis hadith genre galakan dan tegahan (targhīb wa tarhīb). Metode kajian yang digunakan dalam artikel ini ialah metode kajian manuskrip merangkumi kajian kodikologi dan juga analisis kandungan untuk melihat penulisan dan tajuk-tajuk hadith yang dikemukakan dalam manuskrip ini. Kajian aspek kodikologi memfokuskan kewujudan naskhah, repositori, aspek fizikal naskhah, saiz, kertas, tera air dan sebagainya, manakala aspek kedua pula mendedahkan aspek kandungan manuskrip ini. Diharapkan dengan kajian ini dapat menjelaskan aspek-aspek penting melibatkan fizikal naskhah yang dikaji seterusnya memudahkan kajian lanjutan khusus tentang kandungan manuskrip kitab Rawḍah al-‘Ulamā’ ini.

Kata Kunci: MSS 3201, Rawḍah al-‘Ulamā’, Alam Melayu, Kajian manuskrip, Hadith.

Abstract: *Various works have been produced by scholars of the Malay world, many of which remain in handwritten form as manuscripts to this day. These works possess unique characteristics and distinctive features. Among them is the diversity of Malay literary works and their comprehensive content, which covers a wide range of fields of knowledge. Their composition reflects a foundation of refined adab and high scholarly values in authorship. The works produced are not limited to prose but also include other literary forms such as syair, poetry, and nazam. Accordingly, this article discusses a nineteenth-century Malay manuscript in the field of hadith, with a specific focus on a work entitled Rawḍah al-‘Ulamā’. This manuscript was written in Jawi script and contains various types of hadith from the genre of exhortation and warning (targhīb wa tarhīb). The research adopts manuscript study methodology, which includes codicological examination as well as content analysis to investigate the writing style and the hadith topics presented in the manuscript. The codicological aspect focuses on the manuscript’s existence, repository, physical features, dimensions, paper, watermarks, and related elements. The second aspect examines the content of the manuscript. It is hoped that this study will shed light on important features related to the physical characteristics of the manuscript, thereby facilitating further research specifically on the content of the Rawḍah al-‘Ulamā’ manuscript.*

Keywords: *MSS 3201, Rawḍah al-‘Ulamā’, Malay Archipelago, Manuscript Studies, Hadith.*

Pendahuluan

Ilmu merupakan elemen yang sangat penting dan menjadi kewajiban bagi setiap Muslim. Penyampaian ilmu yang sahih telah diusahakan secara berterusan sejak zaman Nabi Muhammad SAW hingga ke hari ini, sama ada melalui dakwah mahupun sistem pendidikan Islam yang dibangunkan oleh para ulama. Dalam sejarah perkembangan penulisan karya keilmuan Islam, para ulama di seluruh dunia, termasuk di Alam Melayu, telah menghasilkan pelbagai karya penting yang merangkumi pelbagai bidang seperti tafsir al-Quran, hadith, fikah dan tasawuf (Harun Mat Piah et al., 2002; Siti Hawa Salleh, 2010). Kepelbagaian karya tersebut tidak hanya terbatas kepada bentuk prosa, malah turut dihasilkan dalam bentuk syair, puisi dan nazam (Mohd Anuar, 2017).

Artikel ini memberi fokus kepada salah satu manuskrip penting Alam Melayu berjudul *Rawḍah al-‘Ulamā’*, yang memuatkan pelbagai hadith Nabi SAW serta hikayat dan kisah para ulama. Kajian ini menumpukan perhatian kepada manuskrip MSS 3201 yang merupakan koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia. Terdapat dua aspek utama yang dikaji melalui pendekatan kajian manuskrip, iaitu analisis kodikologi dan kajian terhadap kandungan MSS 3201. Analisis kodikologi merangkumi perbincangan mengenai kewujudan naskhah, lokasi simpanan, serta ciri fizikal seperti saiz, jenis kertas, tera air dan keadaan jilidan. Aspek kedua pula melibatkan kajian terhadap analisis kandungan teks yang mengandungi hadith Nabi SAW, kata-kata hikmah serta kisah-kisah dalam topik terpilih. Kajian ini diharapkan dapat memperincikan ciri fizikal naskhah MSS 3201 sekali gus menjadi asas rujukan bagi penyelidikan lanjutan yang meneliti kandungan teks manuskrip tersebut secara lebih mendalam.

Kajian Literatur

Penghasilan pelbagai karya menunjukkan perkembangan hebat ilmu dan pembudayaannya dalam kalangan sarjana Alam Melayu. Pelbagai genre ilmu pengetahuan dikembangkan melalui penulisan dan penghasilan manuskrip yang masih disimpan sehingga sekarang. Perkembangan ini juga berlaku dalam bidang hadith Nabi SAW. Selain al-Quran, akidah, fiqh dan tasawuf, bidang hadith juga terdapat pelbagai penulisan dan kitab mengenainya. Antara tokoh yang terawal menulis kitab dalam bidang hadith ialah Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānirī (m.1658M) yang bertajuk *Hidāyah al-Ḥabīb fī al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Setelah beliau, muncul pula seorang tokoh ulama yang menguasai pelbagai bidang ilmu iaitu Syeikh Abdul Rauf al-Fansuri (w.1693M) juga turut menghasilkan kitab hadith bertajuk *Sharḥ al-Laṭīf ‘Alā Arba’īn Ḥadīthan li al-Imām al-Nawāwī* dan *al-Mawā’iz al-Badī’ah*.

Pada abad berikutnya juga menyaksikan pelbagai lagi tokoh dan kitab dihasilkan dalam bidang hadith ini. Antara contohnya seperti Syeikh Abdullah bin Abdul Mubin Pauh Bok al-Fatani (m.1749M) telah menulis kitab *Tanbīh al-Ghāfilīn*, Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani menulis *Kashf al-Ghummaḥ*, Syeikh Wan Hassan bin Wan Ishaq al-Fatani (m.1863M) menulis *Hidāyah al-Mukhtār*, dan Syeikh Ali bin Abdul Rahman al-Kalantani telah menterjemah kitab Imam al-Suyuti (m.1505M) yang berjudul *Lubab al-Ḥadīth*. Beliau menamakannya sebagai *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb*. Ini merupakan sebahagian daripada sejumlah kitab-kitab hadith yang pernah dihasilkan oleh para sarjana Alam Melayu (Mohd Nor, 1983; Fauzi Deraman, 1998; Fauzi Deraman, *et.al*, 2010; Faizuri, 2009; Mazlan Ibrahim, *et.al*, 2017; Muhammad Mustaqim, 2014). Namun begitu, berdasarkan pendedahan dan kajian-kajian lepas ini menunjukkan belum lagi ditemui kitab hadith bertajuk *Rawḍah al-‘Ulamā’* yang dikaji dalam artikel ini. Hal ini disebabkan kemungkinan kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* ini agak asing dan boleh dianggap sebagai karya nadir serta statusnya masih sebagai sebuah manuskrip yang mempunyai akses yang terhad. Dengan ini, ia belum lagi diperkenalkan oleh mana-mana pengkaji lepas dan perbincangan mengenai latar dan kandungannya juga amat terhad. Justeru, artikel ini bertujuan memperkenalkan kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* dengan melakukan analisis aspek kodikologi MSS 3201 dan seterusnya mengemukakan analisis kandungan terhadap teks tersebut.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan dalam penulisan artikel ini ialah gabungan antara dua metode utama dalam kajian manuskrip, iaitu analisis kodikologi dan juga analisis kandungan. Kodikologi merujuk kepada analisis terhadap aspek dan struktur fizikal sesebuah manuskrip. Francois Deroche (2006) mentakrifkan kodikologi sebagai: “*a study of the material aspects of codices, that is, manuscript books comprising a series of gatherings or quires, of sheets.*” Oleh itu, dalam artikel ini analisis kodikologi mendedahkan perbincangan mengenai kewujudan naskhah, lokasi simpanan, serta ciri fizikal MSS 3201 seperti saiz, jenis kertas, tera air dan keadaan jilidan. Aspek kedua pula melibatkan analisis kandungan dan kajian teks MSS 3201. Ia melibatkan analisis tematik dan perbincangan mengenai perihal kesahan tajuk, latar kepengarangan, tujuan penulisan dan juga kandungan teks yang mengandungi beberapa jumlah bab seterusnya kaedah penulisan hadith Nabi SAW, kata-kata hikmah serta kisah-kisah para ulama dalamnya. Dengan mengaplikasi kedua-dua metode ini sesebuah manuskrip yang dikaji dapat difahami dengan lebih mendalam sama ada aspek fizikal mahupun kandungan (Wan Ali, 2014).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis Kodikologi MSS 3201

Manuskrip yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah MSS 3201 bertajuk *Rawḍah al-‘Ulamā’*, salah satu manuskrip dalam koleksi Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Naskhah ini tersenarai dalam Katalog Koleksi PNM – Tambahan Keempat (PNM, 2006) dan secara keseluruhan masih berada dalam keadaan baik. Dari segi fizikal, manuskrip ini mempunyai 129+2 folio berukuran 20.5 x 16.5 cm, dengan setiap halaman mengandungi kira-kira 15 baris.

Manuskrip ini ditulis di atas kertas laid Eropah yang nipis, berwarna putih kekuningan, dengan kelihatan setelah diamati garis menegak dan mendatar yang konsisten, namun tanpa tera air. Sebelum penulisan, naskhah ini dijilid kemas menggunakan kulit berwarna hitam, manakala kuras dan folio dibalut dengan kulit coklat yang dihiasi motif “*blind stamping*” di bahagian tepi dan tengah. Walau bagaimanapun, keadaan jilidan kini telah rosak, jahitan terlerai, dan beberapa kuras telah hancur serta berceraian. Teks ditulis menggunakan dakwat hitam dengan rubrikasi berwarna ungu pada ayat-ayat tertentu dalam bahasa Arab dan Melayu, khususnya pada permulaan bab. Tulisan menampilkan gabungan khat *nasakh* dan *riq‘ah* yang kemas dan konsisten. Perkataan *Basmalah* serta frasa “*sahibul hikayat*” dipaparkan dengan gaya khas sebagai penanda permulaan bab atau petikan penting. Hiasan berbentuk bulatan juga terdapat pada folio pertama (f.1r). MSS 3201 memuatkan dua teks, iaitu teks utama *Rawḍah al-‘Ulamā’* (ff.1r–124v) dan teks kedua Hikayat Nuh bin Maryam, seorang tokoh sufi terkenal, yang hanya melibatkan sekitar lima folio sahaja sebagai teks sisipan. Fokus perbincangan kajian ini adalah terhadap teks utama, iaitu *Rawḍah al-‘Ulamā’*. Ringkasan maklumat kodikologi MSS 3201 adalah sebagaimana dalam jadual di bawah ini:

Jadual 1: Ringkasan Kodikologi MSS 3201 – *Rawḍah al-‘Ulamā’*

Aspek	Perincian
Tajuk Manuskrip	<i>Rawḍah al-‘Ulamā’</i>
No Panggilan	MSS 3201
Repositori	Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (PKMM), Perpustakaan Negara Malaysia
Rujukan Katalog	<i>Katalog Koleksi PNM – Tambahan Keempat (2006)</i>
Keadaan Naskhah	Baik tetapi jilidan rosak, kuras berceraian
Jumlah Folio	129+2 folio
Saiz	20.5 x 16.5 cm
Baris per Halaman	±15 baris
Jenis Kertas	Kertas laid Eropah, nipis, putih kekuningan, garis menegak dan mendatar; tiada tera air
Kulit/Jilidan	Kulit hitam (asal), kuras berbalut kulit coklat dengan hiasan “ <i>blind stamping</i> ”; kini rosak
Dakwat	Hitam; rubrikasi ungu pada ayat tertentu
Jenis Tulisan	Gabungan khat <i>nasakh</i> dan <i>riq‘ah</i> , kemas dan konsisten
Ciri Khas Teks	<i>Basmalah</i> dan “ <i>sahibul hikayat</i> ” ditulis gaya khas; hiasan bulatan pada f.1r
Bilangan Kuras	±6 (sebahagian rosak dan berceraian)
Kandungan	(1) <i>Rawḍah al-‘Ulamā’</i> (ff.1r–124v) – teks utama; (2) <i>Hikayat Nuh bin Maryam</i> (±5 folio) – teks sisipan

Dari segi kepengarangan pula, belum dapat dipastikan siapa yang sebenarnya mengarang kitab ini. Maklumat pengarang amat sukar diperoleh disebabkan tiada catatan mengenainya. Fenomena ini merupakan perkara biasa dalam kepengarangan manuskrip Melayu. Ada kalanya pengarang hanya memperkenalkan diri sebagai fakih atau dalam beberapa manuskrip hanya menggunakan kalimat *faqīr* sahaja (Muhammad Haji Salleh, 1997; Ding Choo Ming, 2003; Noriah Mohamed, 2006). Namun begitu, terdapat beberapa petunjuk menunjukkan kepada sejarah manuskrip ini. Pada f.1r dan pada kolofon MSS 3201 ini, dicatat kitab ini merupakan kitab kepunyaan Raden atau Syeikh Muhammad Khatib, yang berasal daripada Palembang. Ia kemudiannya disalin oleh Muhammad bin Haji Sulaiman, orang pontianak di Palembang yang mana beliau menjelaskan penyalinan ini adalah berdasarkan naskhah Raden Haji Muhammad Khatib Palembang. Manakala pada f.1r. beliau menjelaskan:

Yang empunya kitab *faḍl Allāh* ini iaitu Abdul Rahman bin Muhammad bin Haji Sulaiman diperanakan di Palembang Kampung Delapan Belas Ilir. Adapun yang menulisnya Muhammad bin Haji Sulaiman orang Pontianak ditulis di Palembang Kampung Delapan Belas Ilir kepada lima haribulan Muharam hari Sabtu waktu jam pukul satu sanah 1291.

Berdasarkan kenyataan di atas, menunjukkan naskhah MSS 3201 ini merupakan kepunyaan Abdul Rahman bin Muhammad bin Haji Sulaiman yang merupakan anak kepada penyalin manuskrip ini. Ia merupakan naskhah salinan daripada kitab yang sebelumnya dipunyai oleh Syeikh Muhammad Khatib Palembang. Maklumat mengenai tokoh dan penyalin ini belum dapat dipastikan lagi, ia memerlukan kajian lanjut untuk memastikan siapakah sebenarnya yang menulis dan menyalin kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* ini. Merujuk kepada Syeikh Muhammad Khatib Palembang, beliau juga agak asing dalam penulisan sejarah tokoh-tokoh di Palembang. Setakat maklumat yang diperoleh, beliau mungkin juga seorang yang alim dan berpengaruh sehingga mendapat gelaran “*Khatib*” iaitu merujuk kepada seorang imam dan seseorang yang diberi kepercayaan sebagai penyampai khutbah sama ada Solat Jumaat atau pun solat-solat lain seperti Solat Hari Raya (Nabila Yasmin, 2016).

Selain itu, berdasarkan maklumat di atas juga, dapat disimpulkan bahawa MSS 3201 ini disalin di Palembang dan selesai pada 5 Muharram 1291 bersamaan 3 Mac 1874, secara spesifiknya di Kampung Delapan Belas Ilir. Hal ini menunjukkan manuskrip ini ditulis pada abad ke-19 di Palembang, Sumatera Selatan. Hasil carian menunjukkan kampung ini masih lagi kekal sehingga sekarang ini (<https://18ilir.kim.id/>; Hudaidah & Lukmanul Hakim, 2022). Hal ini adalah selaras dengan beberapa maklumat kodikologi yang ada dan kondisi kertas sebagaimana yang dikemukakan sebelum ini. Beberapa maklumat terperinci mengenai hal ini memerlukan kajian lanjutan lagi.

Analisis Teks dan Kandungan MSS 3201

Dari segi kandungan, MSS 3201 *Rawḍah al-‘Ulamā’* ini merupakan kitab yang membicarakan tentang perihal beberapa fadilat dan kelebihan dalam beramal. Ia memuatkan ayat al-Quran, hadith Nabi SAW dan beberapa sumber lain termasuklah beberapa riwayat daripada para Sahabat. Juga dipetik dalam karya ini banyak cerita dan hikayat para Nabi terdahulu, para wali, hukama, orang-orang zuhud serta orang-orang yang soleh. Mengenai tajuk dan kandungan kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* ini, penulisnya menyebut (f.3r.):

Ammā ba‘du. Adapun kemudian daripada memuji Allāh dan mengucap selawat akan Rasul Allāh ﷺ, ini kitab disalin daripada *Rawḍah al-‘Ulamā’* iaitu hadith Nabi

daripada ceritera orang yang dahulu daripada segala Nabi dan segala wali dan segala hukama' dan segala zahid dan segala orang yang membelakangi dunia dan segala yang berbuat kebaktian di bumi dan di langit.

Struktur penulisan MSS 3201 *Rawḍah al-'Ulamā'* ini juga agak baik dan tersusun, penulisan kandungannya kelihatan kemas. Ia bermula dengan pendahuluan, terdapat 17 bab yang ditandai dengan rubrikasi serta hiasan pada glos, dan kemudiannya diakhiri dengan penutup. Hadith dan petikan cerita yang dipetik daripada sumber-sumber agak banyak dan terdapat 111 petikan dalam *Rawḍah al-'Ulamā'* ini. Berdasarkan gaya penulisan, kelihatan kitab ini merupakan karya terjemahan atau mungkin karya saduran daripada kitab hadith asal yang dikumpulkan, bukannya karya asli sarjana Melayu. Hal ini berdasarkan gaya penulisan hadith, versi hadith yang dipilih, gaya terjemahan teks, petikan hadith dan juga cerita para ulama yang dikumpulkan. Pendapat ini juga disokong berdasarkan catatan pada mukadimah kitab bahawa penulis manuskrip bertindak menyalin kitab *Rawḍah al-'Ulamā'* ini dan diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu untuk bacaan masyarakat di Palembang khususnya. Secara ringkasnya, kandungan dan bab-bab yang didapati dalam kitab *Rawḍah al-'Ulamā'* ini adalah sebagaimana berikut:

Jadual Kandungan Manuskrip (MSS 3201 *Rawḍah al-'Ulamā'*)

No.	Tajuk Bab	Ringkasan / Fokus
–	Mukadimah	Pengenalan dan tujuan penulisan manuskrip.
1	Fadhilat <i>Lā Ilāha Illa Allāh</i>	Kelebihan mengucapkan kalimah tauhid.
2	Fadhilat selawat akan Rasul Allāh ﷺ	Keutamaan berselawat ke atas Nabi SAW.
3	Meninggalkan dosa kerana takut akan Allāh Ta'āla	Ganjaran bagi yang meninggalkan maksiat kerana takut pada Allah.
4	Fadhilat sabar atas mengetahui kesakitan agama	Pahala bagi kesabaran dalam menghadapi ujian agama.
5	Fadhilat tawakkal	Keutamaan berserah diri kepada Allah.
6	Memohonkan barang yang kehendaki pada Allāh SWT	Anjuran berdoa dan memohon hanya kepada Allah.
7	Kelebihan memperbaiki rahsia hati dan cita	Kelebihan orang yang memperbaiki niat dan tujuan hidupnya.
8	Fadhilat peduli dosa dan memberi sakit orang Islam	Larangan menyakiti sesama Muslim, pahala menjaga hak mereka.
9	Fadhilat <i>thawāb</i> mengambil air sembahyang	Ganjaran berwuduk dengan sempurna.
10	Fadhilat bang (azan)	Keutamaan muazin dan pahala azan.
11	Fadhilat sembahyang	Ganjaran amalan solat.
12	Fadhilat sembahyang pada Hari Jumaat	Keistimewaan solat Jumaat.
13	Fadhilat Hari Asyura'	Pahala puasa dan amal pada 10 Muharram.
14	Fadhilat Malam Berat (<i>Laylah al-Nisfu Sya'ban</i>)	Keutamaan malam nisfu Sya'ban.
15	Fadhilat malam Qadr (<i>Laylah al-Qadr</i>)	Ganjaran beribadah pada malam Lailatul Qadr.

16	Fadhilat perang Sabil Allāh	Pahala jihad di jalan Allah.
17	Pahala memberi sedekah	Keutamaan bersedekah kepada yang memerlukan.
–	Penutup	Kesimpulan dan doa penutup manuskrip.

Berdasarkan kandungan manuskrip *Rawḍah al-‘Ulamā’* (MSS 3201) di atas ia jelas memuatkan pelbagai bab yang membicarakan keutamaan amalan-amalan dalam Islam, dimulakan dengan mukadimah yang menerangkan tujuan penulisan. Setiap bab memberi penekanan kepada fadhilat dan ganjaran amalan tertentu seperti mengucapkan kalimah *Lā Ilāha Illa Allāh*, berselawat kepada Rasulullah SAW, meninggalkan dosa kerana takut kepada Allah, bersabar menghadapi ujian agama, bertawakkal, berdoa, memperbaiki niat, menjaga hak sesama Muslim, berwuduk, melaungkan azan, dan menunaikan solat. Selain itu, terdapat bab khusus mengenai keistimewaan ibadah pada hari-hari dan malam-malam tertentu seperti Hari Jumaat, Hari Asyura’, malam Nisfu Sya’ban, dan Lailatul Qadr, serta amalan besar seperti berjihad di jalan Allah dan bersedekah. Keseluruhan kandungan manuskrip ini berfungsi sebagai panduan rohani yang memperkuat keimanan dan menggalakkan penghayatan amalan yang membawa pahala besar di sisi Allah SWT. Penulisan sebegini adalah bertujuan untuk memberi motivasi dan galakan kepada masyarakat Islam untuk mengamalkan sesuatu amalan secara berterusan. Penulisan hadith berdasarkan tema *targhīb* dan *tarhīb* ini juga banyak ditemui dalam penulisan karya hadith Alam Melayu (Fauzi Deraman, 1998).

Antaranya seperti, karya terawal hadith Alam Melayu iaitu yang ditulis oleh Syeikh Nūr al-Dīn al-Rānīrī (1068H/1658M) berjudul *Hidāyah al-Ḥabīb fī al-Targhī wa al-Tarhīb*, kitab *Hidāyah al-Mukhtār* oleh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani, karya Abdullah bin Abd al-Mubin al-Fatani bertajuk *Tanbīh al-Ghāfilīn* pada 1184H/1171M, dan juga *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* oleh Wan Ali Kutan bin Abd al Rahman Kutan al-Kalantani yang mana ia mengandungi terjemahan dan syarahan kepada kitab *Lubab al-Ḥadīth* karya Jalal al-Dīn al-Suyūṭī (Fauzi Deraman, 1998; Mazlan Ibrahim, *et.al*, 2012; Amer Hudhaifah, 2018).

Merujuk aspek penulisan pula, setiap bab di atas dimulai dengan ayat al-Quran yang berkaitan jika ada, dan seterusnya dinukilkan pula hadith Nabi SAW dan kemudiannya nukilan cerita serta hikayat yang berkaitan. Contohnya pada bab ketiga, penulis kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* menulis sebagaimana berikut (f.12r. 12v.):

BAB YANG KETIGA

Pada menyatakan meninggalkan dosa kerana takut akan Allāh Ta’āla.

Firman Allāh Ta’āla:

وَأَمَّا مَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ وَنَهَى النَّفْسَ عَنِ الْهَوَىٰ ۖ فَإِنَّ الْجَنَّةَ هِيَ الْمَأْوَىٰ

Ertinya: “Barangsiapa takut akan Allāh Ta’āla dan ditahaninya nafsunya daripada segala keinginannya maka bahawasanya Syurgalah akan tempatnya”.

[Surah An-Nazi’at: 40]

Seperti sabda Rasul Allāh ﷺ. “Barangsiapa berpagi-pagi citanya takutkan Allāh Ta’āla daripada berbuat dosa maka terlanjur pekerjaannya kepada dosa maka diampuni Allāh baginya”.

Berkenaan kaedah penulisan dan penyalinan hadith, tiada gaya yang konsisten kelihatan dalam kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* ini. Ada kalanya penulis kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* menulis hadith dengan membawa matan asal dengan lengkap, ada kalanya pula hanya sebahagian matan dan kadang kala beliau terus melakukan terjemahan terhadap hadith yang dikemukakan. Berkaitan dengan aspek penulisan sanad hadith pula hasil tinjauan dan semakan, aspek ini juga kelihatan tiada keselarasan dan tiada penulisan sanad yang konsisten dalam kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* ini. Namun begitu, pada kebanyakan tempat, penulis membawa perawi utama (*rāwī a’lā*) sebelum mengemukakan dan menterjemahkan matan hadith. Hal ini membantu para pembaca mengenali siapakah perawi hadith dan juga memudahkan kajian lanjut tentang matan dan variasi yang ada.

Aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam kajian kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’* ialah sumber penulisan hadis yang digunakannya. Berdasarkan pemerhatian dan analisis awal, belum ditemukan karya lain yang seumpamanya secara langsung dalam bidang hadis, sama ada daripada sarjana luar atau dari Alam Melayu sendiri, yang dapat dijadikan rujukan langsung. Walaupun penulisan genre hadis berbentuk *targhīb* dan *tarhīb* (galakan dan ancaman) agak banyak di Alam Melayu (Fauzi Deraman, 1998), hadis-hadis yang termuat dalam kitab ini hanya sebahagiannya sama dengan karya-karya tersebut, selebihnya berbeza dan mempunyai variasi.

Perbandingan dengan karya seperti *Lubab al-Ḥadīth* oleh Jalal al-Dīn al-Suyūṭī dan *al-Targhīb wa al-Tarhīb* oleh al-Mundhīrī yang telah mempengaruhi beberapa karya hadis Alam Melayu seperti *Hidāyah al-Ḥabīb fī al-Targhīb wa al-Tarhīb* oleh Nūr al-Dīn al-Rānīrī, *Hidāyah al-Mukhtār* oleh Wan Hasan bin Wan Ishaq al-Fatani, dan *al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb* oleh Wan Ali Kutan bin Abd al-Rahman Kutan al-Kelantani, menunjukkan hanya sedikit sahaja hadis daripada karya-karya tersebut yang sama dalam kitab *Rawḍah al-‘Ulamā’*. Walaupun ada persamaan tema dan bab, namun perbezaan tetap wujud dari segi lafaz dan versi hadis yang dipilih. Justeru, *Rawḍah al-‘Ulamā’* boleh dianggap bukan karya sebagai saduran langsung daripada karya-karya terdahulu, sebaliknya mungkin bersumberkan kitab lain yang memerlukan kajian yang lebih mendalam untuk dikenal pasti.

Kesimpulan

Penulisan karya hadis dalam tradisi intelektual Alam Melayu memperlihatkan kepelbagaian bentuk, tema, dan gaya penyampaian yang mencerminkan kekayaan warisan keilmuan rantau ini. Antara karya penting ialah manuskrip MSS 3201 *Rawḍah al-‘Ulamā’*, sebuah kitab nadir berbahasa Jawi yang memuatkan hampir 111 hadis serta pelbagai kisah ulama, auliya, dan hukama. Kandungan kitab ini berfokus kepada galakan dan motivasi untuk menghidupkan amalan agama dan sunnah Nabi SAW, khususnya dalam konteks masyarakat Islam di Palembang pada abad ke-19M yang berhadapan cabaran penjajahan dan polemik kepimpinan. Walaupun dari sudut disiplin hadis penulisannya tidak sepenuhnya cermat—gaya penterjemahan dan penulisan matan tidak konsisten, manakala penyebutan sanad kadang-kala lengkap dan kadang-kala diabaikan—karya ini tetap signifikan sebagai bahan motivasi dan pengukuhan semangat beragama. Kajian terhadap manuskrip ini diharap dapat memberikan pemahaman awal tentang ciri fizikal naskhah dan kandungan penulisan hadis di

Alam Melayu, sekali gus membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang lebih mendalam terhadap kandungan dan sumber hadis yang digunakan.

Rujukan

- ‘Abd al-Šamad al-Palimbani. (t.t.). *Hidāyah al-Sālikīn*. Fatani: Maṭba‘ah Bin Halabi.
- Abū Ḥanīfah. (2016). *Kitab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Dalam M. A. Mamat, *Pemikiran pendidikan Imam Abū Ḥanīfah: Kitab al-‘Ālim wa al-Muta‘allim*. Kuala Lumpur: CASIS & HAKIM.
- Al-Ghazālī, M. b. M. (2011). *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Jeddah: Dār al-Minhāj.
- Azra, A. (2013). *Jaringan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII & XVIII: Akar pembaharuan Islam Indonesia*. Jakarta: Kencana.
- Deroche, F., et al. (2006). *Islamic codicology: An introduction to the study of manuscripts in Arabic script*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Ding, C. M. (2003). *Kajian manuskrip Melayu: Masalah, kritikan dan cadangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Faizuri bin Abdul Latif. (2009). Tradisi Penulisan Hadith Dalam Karya ulama Melayu: Kajian Terhadap Kitab ‘Aqidah al-Najin. *Jurnal Usuluddin*, 30, 101-106.
- Fauzi Deraman, Ishak Hj. Suliaman, & Faisal Ahmad Shah. (2010). *Pengajian hadith di Malaysia: Tokoh, karya, institusi*. Kuala Lumpur: Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Fauzi Deraman. (1998). Karya-karya hadith dalam tulisan Jawi. *Jurnal Usuluddin*, 7(7), 163–174.
- Harun Mat Piah, Ismail Hamid, Siti Hawa Salleh, Abu Hassan Sham, Ab. Rahman Kaeh, & Jamilah Ahmad. (2002). *Traditional Malay literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hudaidah, & Lukmanul Hakim. (2022). Etos ilmiah Islam di Palembang abad ke-18–19 Masehi. *Danadyaksa Historica*, 2(2), 141–150.
- Islamic Arts Museum Malaysia. (2010). *Handlist of Malay manuscripts in the Islamic Arts Museum Malaysia: JAKIM collection*. Kuala Lumpur: IAMM.
- Mustaqim, M., & Anuar, M. (2020). *Petua menuntut ilmu: Tibyān al-Marām, menyatakan maksud Kitab Ṭalibah al-Ṭalabah dengan bahasa Jawi*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Mustaqim, M. M. Z., & Anuar, M. M. (2018). Bab al-Adab (MSS2906A): Analisis dan transliterasi beranotasi sebuah nazam mengenai adab belajar. *Jurnal Filologi Melayu*, 25, 132–152.
- Mahayudin Hj. Yahaya. (1994). *Naskhah Jawi: Sejarah dan teks* (Jilid 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Hj. Yahaya. (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mazlan Ibrahim, Haziya Hussin, & Latifah Abdul Majid. (2017). *Warisan hadis ulama Nusantara*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mamat, M. A. (2017). Manuskrip Melayu dalam bidang pendidikan Islam: Suatu kajian awal di Perpustakaan Negara Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 15, 66–88.
- Mamat, M. A. (2020). Beberapa metodologi pendidikan Melayu-Islam: Analisis terhadap manuskrip MSS 2906(A) Bab al-Adab. *Jurnal al-‘Abqari*, 23(2), 41–56.
- Mohd Asmadi Yakob. (2018). *Keintelektualan Melayu dalam manuskrip dan kitab Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd Muhiden Abd. Rahman. (2006). *Riwayat hidup Syeikh Nur al-Din al-Raniri dan sumbangannya kepada pengajian hadith*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor Bin Ngah. (1983). *Kitab Jawi: Islamic thought of the Malay Muslim scholars*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Muhammad Haji Salleh. (1997). Memperbaharui pengarang. Dalam *Tradisi penulisan manuskrip Melayu* (hlm. 183–210). Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2014). *Peranan Lubab al-Hadith dalam karya hadis Alam Melayu*. Nilai: Penerbit USIM.
- Nabila Yasmin. (2016). *Mi'rāj al-Sālikīn karya Muḥammad Khaṭīb Langgīn dalam tradisi tasawwuf di Aceh abad ke-19* (Tesis sarjana tidak diterbitkan). Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur.
- Perpustakaan Negara Malaysia. (2006). *Katalog manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia tambahan keempat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay literature of the 19th century* (Terj. Quest Service). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Wan Ali bin Abd Rahman al-Kelantani. (t.t.). *Al-Jawhar al-Mawhūb wa Munabbihāt al-Qulūb*. Pulau Pinang: al-Mu'arif.
- Wan Ali Wan Mamat. (2014). *An introduction to Malay manuscripts*. Selangor: IIUM Press.